



## **Faculty of Language and Communication**

**Makna Tersirat Dalam Lagu “Hakikat Sebuah Cinta” dan “Suci Dalam Debu”:  
Analisis Semantik Inkuisitif**

**Muhammad Zawawi bin Tuah**

**Ijazah Sarjana Muda**

**2021/2022**

Makna Tersirat Dalam Lagu “Hakikat Sebuah Cinta” dan “Suci Dalam Debu”:Analisis  
Semantik Inkuisitif

Muhammad Zawawi bin Tuah

Projek tahun akhir ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk  
Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2022

# UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Please tick (✓)  
Final Year Project  
Masters  
PhD

## Pengakuan Keaslian Hasil Kerja

Perakuan ini telah dibuat pada 6 Jun 2022.

### Pengakuan Pelajar:

Saya Muhammad Zawawi bin Tuah bernombor matrik 72933 daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisyiharkan bahawa kerja bertajuk Makna Tersirat dalam Lagu “Hakikat Sebuah Cinta” dan “Suci Dalam Debu”: Analisis Semantik Inkuisitif adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

6 Jun 2022

Tarikh Serahan



Muhammad Zawawi bin Tuah (72933)

### **Pengesahan Penyelia:**

Saya Dr. Fatimah Haji Subet dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk bertajuk Makna Tersirat dalam Lagu “Hakikat Sebuah Cinta” dan “Suci Dalam Debu”: Analisis Semantik Inkuisitif telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada "FAKULTI" sebagai \* memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) dengan Kepujian, dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh: Dr. Fatimah Haji Subet

Tarikh:

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (✓)):

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) \*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
- AKSES TERBUKA**

### **Pengesahan Projek / Tesis**

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbit atau didedahkan kepada mana-mana pihak lehpelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar:



(6 Jun 2022)

Tandatangan Penyelia:

---

(Tarikh)

Alamat semasa pelajar:

Kpg. Anak Bukit, 98700, Limbang, SARAWAK

Nota: \*Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

## **ABSTRAK**

Semantik inkuisitif merupakan satu bidang kajian yang mampu menganalisis dan menghuraikan makna sebenar sesuatu ujaran dengan melihat kepada akal budi penuturnya. Terdapat banyak kajian semantik inkuisitif yang mengkaji kiasan-kiasan Melayu seperti peribahasa dan simpulan bahasa. Namun, masih kurang kajian yang mengkaji makna disebalik lirik lagu. Disebalik penggunaan ayat dalam lirik lagu, pasti mempunyai makna-makna yang berimplisit, yang ingin disampaikan oleh penulis lirik. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat makna tersirat dalam lagu dari perspektif linguistik khususnya semantik inkuisitif serta mentafsirkan dan memahami lirik dalam lagu yang dipilih secara lebih mendalam, dengan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Norhasimah Jalaluddin (2014) melalui tiga tahap penganalisisan. Kajian ini berbentuk kualitatif sepenuhnya melalui penggunaan data dua buah lagu iaitu “Hakikat Sebuah Cinta” dan “ Suci Dalam Debu”. Kesemua data yang dipilih telah dianalisis dalam 3 tahap iaitu semantik skrip (makna harfiah), semantik resonans (makna kognitif) dan akhirnya semantik inkuisitif (akal budi penutur). Kajian ini akan memberikan kefahaman yang lebih lanjut dan tepat mengenai makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis lirik untuk pedoman semua.

**Kata Kunci:** *semantik inkuisitif, lirik lagu*

## **ABSTRACT**

Inquisitive semantics is a field of study that can analyze and describe the true meaning of a statement by looking at the intellect of the speaker. There are many inquisitive semantic studies that study Malay allusions such as proverbs and idioms. However, there is still a lack of studies that examine the meaning behind the lyrics of the song. Despite the use of verses in the lyrics of the song, it must have implicit meanings, which the lyricist wants to convey. Therefore, the purpose of this study is to look at the implicit meaning in songs from linguistic perspective especially inquisitive semantics as well as interpret and understand the lyrics in selected songs in more depth, using Inquisitive Semantics approach by Norhasimah Jalaluddin (2014) through three levels of analysis. This study is entirely qualitative using data from two songs, namely "Hakikat Sebuah Cinta" and "Suci Dalam Debu". All selected data were analyzed in 3 levels namely script semantics (literal meaning), resonance semantics (cognitive meaning) and finally inquisitive semantics (speaker's common sense). This study will provide a further and accurate understanding of the true meaning that the lyricist wants to convey for the guidance of all.

**Keywords:** *inquisitive semantics, song lyric*

## **PENGHARGAAN**

Segala puji dan syukur kehadrat Ilahi, diatas limpah kurniaNya yang diberikan sepanjang kepada saya sepanjang menjalankan tugas penyelidikan ini dengan jayanya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Fatimah Haji Subet, atas arahan, toleransi, galakan, dan, memberikan kritikan serta cadangan yang bernes untuk menambah baik kerja saya. Saya tidak akan mampu menyelesaikan projek ini tanpa bantuan dan arahan beliau.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada ibu bapa saya, Tuah bin Hidop dan Zaleha binti Mohidin, serta adik-beradik saya, di atas sokongan dan dorongan yang diberikan sejak dari tahun pertama sehingga pengajian saya tamat. Kajian ini tidak dapat diselesaikan tanpa bantuan mereka.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa rakan atas perkongsian ilmu yang telah diberikan oleh mereka. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada mereka atas bantuan dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir ini.

Semoga Allah SWT memberkati dan merahmati kepada semua orang yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

## JADUAL KANDUNGAN

| <b>PERKARA</b>                 | <b>HALAMAN</b> |
|--------------------------------|----------------|
| PENGISYTIHARAN HASIL KERJA     | i              |
| ABSTRAK                        | iv             |
| PENGHARGAAN                    | vi             |
| JADUAL KANDUNGAN               | vii            |
| SENARAI JADUAL                 | x              |
| SENARAI RAJAH                  | x              |
| <b>BAB</b>                     |                |
| <b>1 PENGENALAN</b>            | 1              |
| 1.1 Latar Belakang Kajian      | 1              |
| 1.2 Tujuan dan Objektif Kajian | 4              |
| 1.3 Definisi Operasional       | 5              |
| 1.4 Kepentingan Kajian         | 7              |
| <b>2 SOROTAN KAJIAN</b>        | 9              |
| 2.1 Kajian di Malaysia         | 9              |
| 2.2 Kajian di Luar Malaysia    | 18             |
| 2.3 Kesimpulan                 | 20             |
| <b>3 METODOLOGI</b>            | 22             |
| 3.1 Reka Bentuk Kajian         | 22             |
| 3.2 Data Kajian                | 22             |
| 3.3 Instrumen Kajian           | 23             |
| 3.4 Prosedur Pengumpulan Data  | 27             |

|   |                                   |     |
|---|-----------------------------------|-----|
| 3.5   | Prosedur Analisis Data            | 27  |
| 3.6   | Batasan Kajian                    | 28  |
| 3.7   | Kesimpulan                        | 28  |
| <b>4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>            |                                   | 29  |
| 4.1   | Analisis Data 1                   | 29  |
| 4.2   | Analisis Data 2                   | 36  |
| 4.3   | Analisis Data 3                   | 44  |
| 4.4   | Analisis Data 4                   | 52  |
| 4.5   | Analisis Data 5                   | 59  |
| 4.6   | Analisis Data 6                   | 67  |
| 4.7   | Analisis Data 7                   | 74  |
| 4.8   | Analisis Data 8                   | 80  |
| 4.9   | Analisis Data 9                   | 86  |
| 4.10  | Analisis Data 10                  | 93  |
| 4.11  | Kesimpulan                        | 100 |
| <b>5 RINGKASAN, IMPLIKASI &amp; HALA TUJU</b> |                                   | 101 |
| 5.1   | Ringkasan Kajian                  | 101 |
| 5.2   | Implikasi Kajian                  | 104 |
| 5.3   | Hala tuju kajian yang akan datang | 104 |
| <b>RUJUKAN</b>                                |                                   | 106 |
| <b>LAMPIRAN</b>                               |                                   | 108 |

## SENARAI JADUAL

| <b>JADUAL</b> |  | <b>HALAMAN</b> |
|---------------|--|----------------|
| i             | <b>Jadual i</b> Kerangka analisis bagi tahap penganalisisan berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif | 27             |
| 1             | <b>Jadual 1</b> Paparan makna perkamusian berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat                        | 30             |
| 2             | <b>Jadual 2</b> Paparan makna perkamusian berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat                        | 38             |
| 3             | <b>Jadual 3</b> Paparan makna perkamusian berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat                        | 46             |
| 4             | <b>Jadual 4</b> Paparan makna perkamusian berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat                        | 53             |
| 5             | <b>Jadual 5</b> Paparan makna perkamusian berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat                        | 61             |
| 6             | <b>Jadual 6</b> Paparan makna perkamusian berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat                        | 68             |
| 7             | <b>Jadual 7</b> Paparan makna perkamusian berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat                        | 74             |
| 8             | <b>Jadual 8</b> Paparan makna perkamusian berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat                        | 80             |
| 9             | <b>Jadual 9</b> Paparan makna perkamusian berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat                        | 87             |
| 10            | <b>Jadual 10</b> Paparan makna perkamusian berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat                       | 93             |

## SENARAI RAJAH

| <b>RAJAH</b> |  | <b>HALAMAN</b> |
|--------------|--|----------------|
| 1            | Rajah 1. Kerangka Kajian Semantik Inkuisitif (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014) | 7              |

## **BAB 1**

Bab ini menceritakan mengenai latar belakang kajian, serta menghuraikan dengan lebih lanjut berkenaan tujuan dan objektif kajian ini dijalankan. Berikutnya, bab ini juga akan memperlihatkan definisi-definisi operasi terma yang digunakan dalam menjalankan kajian ini serta kepentingan kajian ini. Pada akhir bab ini, pembaca dapat mengetahui secara ringkas berkenaan keseluruhan kajian ini.

### **1.0 Pengenalan**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Dalam mendepani zaman modenisasi kini, hiburan digunakan sebagai platform untuk pelbagai tujuan, sama ada untuk mengisi masa lapang, dijadikan sumber inspirasi dan medium mencungkil potensi dalam diri masyarakat. Jenis hiburan yang biasa kita perhatikan di Malaysia adalah seperti drama, muzik atau gubahan lagu, podcast, persempahan teater dan sebagainya. Hiburan seperti yang dinyatakan boleh dilihat dan didengari melalui platform televisyen, radio dan media sosial. Jika dibandingkan hiburan pada zaman dahulu dan zaman sekarang, terdapat perbezaan yang sangat ketara. Hiburan pada zaman dahulu lebih menjurus kepada persempahan secara langsung. Persempahan seperti kuda kepang, wayang kulit, persempahan teater dan lantunan syair akan dipersembahkan secara bersemuka oleh kerana pada zaman dahulu kurang atau langsung tiada penggunaan platform-platform media. Lain halnya pada masa sekarang, hiburan boleh diperhatikan dan didengari tanpa perlu bersemuka dimana-mana dengan menggunakan media elektronik, kita boleh melihat drama, mendengarkan muzik tanpa perlu bersemuka.

Hiburan yang dilakukan tidak kira pada zaman dahulu dan sekarang, pastinya akan menggunakan muzik atau lagu untuk menyerikan hiburan tersebut. Muzik dan lagu akan digunakan sebagai muzik latar, malahan boleh juga diselitkan dalam setiap persempahan. Oleh

sebab itu, hiburan dan persembahan tidak akan lengkap tanpa gubahan muzik dan lagu. Jika diteliti dengan mendalam, terdapat perbezaan dalam nilai kesusasteraan antara gubahan muzik dan lagu pada zaman dahulu dan sekarang. Pada zaman dahulu, gubahan muzik dan lagunya adalah bersifat mendalam, penuh dengan unsur sastera dan para pendengar perlu memahami maksud secara mendalam. Manakala gubahan muzik dan lagu pada zaman sekarang bersifat terang, iaitu mudah difahami inti lagu tersebut sejurus sahaja baru didengari. Namun, terdapat juga gubahan muzik dan lagu pada masa sekarang, yang mempunyai maksud yang mendalam.

Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat makna tersirat dalam lagu dari perspektif linguistik khususnya semantik inkuisitif serta mentafsirkan dan memahami lirik dalam lagu yang dipilih secara lebih mendalam. Kajian ini juga dijalankan kerana generasi muda-mudi zaman kini hanya tahu menyanyikan sesbuah lagu namun tidak memahami maksud disebalik lirik lagu dan lirik tersebut. Disamping itu, kajian seperti ini juga bersifat terhad kerana kajian ini kurang mendapat sambutan daripada pengkaji yang lain.

Jika diperhatikan pada kajian Daud & Hamid (2017), *Pemikiran Dalam Lirik Lagu: Satu Analisis Makna*, mereka melakukan kajian analisis makna dalam lagu-lagu menggunakan pendekatan yang dikemukakan oleh Geoffery Leech dalam buku *Semantics* (1974), iaitu dimana Leech (1974) membahagikan makna kepada tujuh jenis iaitu makna konseptual, makna konotatif, makna stilistik, makna afektif, makna reflektif, makna kolokatif dan makna tematik. Pada kajian Wong & Jalaluddin (2019), “Bahasa Kiasan dalam Lagu ‘Mati Hidup Semula’: Analisis semantik Inkuisitif”, kajian mereka menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dalam menganalisis lagu ‘Mati Hidup Semula’. Pada bab 2 kajian ini, pengkaji akan menerangkan secara lebih lanjut untuk kedua-dua kajian lepas yang telah dijalankan.

Kajian ini akan diteliti berdasarkan unsur semantik, iaitu salah satu ilmu yang terdapat dalam bidang linguistik. Menurut Kamus Dewan edisi keempat, semantik ialah kajian tentang

makna dan penambahan sesuatu kata. Kata semantik berasal daripada kata “Semantikos” yang membawa maksud “erti yang penting”, merupakan perkataan asal untuk semantik. Semantik ialah bidang kajian tentang aspek makna dalam bidang ilmu linguistik dan sebahagian daripada bidang kajian tatabahasa secara khusus, iaitu merujuk kepada kajian yang melibatkan struktur dalam sesuatu bahasa seperti aspek kajian fonologi, morfologi dan sintaksis (Aziz,2009). Manakala menurut Abdullah Hassan (1992:1), istilah semantik merujuk kepada kajian makna. Dan oleh sebab itu makna itu adalah sebahagian daripada bahasa, maka semantik juga sebahagian daripada linguistik. Kajian makna kata dalam bahasa Melayu menurut sistem penggolongan semantik adalah cabang linguistik yang berperanan semata-mata untuk meneliti makna kata, bagaimana perkembangannya dan apakah sebab-sebab terjadi perubahan makna dalam sejarah bahasa. Bidang semantik terbatas pada usaha memperhatikan dan mengkaji proses transposisi makna kata dalam pemikiran bahasa.

Di Malaysia, telah terdapat perkembangan terkini ilmu semantik ini yang dikaitkan dengan ilmu pragmatik. Kedua-dua ilmu dalam bidang linguistik ini memerlukan antara satu sama lain untuk memantapkan tafsiran makna yang dihajati. Semantik mentafsir makna pada tahap permukaannya dan pragmatik melengkapkan tafsiran makna berkenaan secara lebih mendalam dengan mengaitkan pentafsiran makna itu dengan konteks. Ilmu semantik yang dikaitkan dengan pragmatik ini dikenali sebagai semantik inkuisitif. Menurut Jalaluddin (2014) dalam bukunya yang bertajuk *Semantik dan Akal Budi Melayu* telah memperkenalkan pendekatan semantik inkuisitif, iaitu satu proses yang berlaku untuk mendalami makna tersirat di sebalik ungkapan peribahasa yang akan menambah pemahaman kita kepada falsafah dan akal budi melayu. Analisis makna dalam bidang semantik inkuisitif ini terbahagi kepada tiga tahap iaitu semantik skrip, semantik resonans, dan semantik inkuisitif. Semantik skrip dikaitkan dengan lakukan bahasa yang bertujuan mencari suatu generalisasi tentang wacana

dengan memfokuskan kepada kekhususan sesuatu budaya berdasarkan teori, dan hanya melibatkan makna setara yang hanya bersifat harafiah (Jalaluddin, 2014).

Bagi semantik resonans, menurut Charteris Black (2000) resonans itu merujuk kepada kajian yang mampu mengaitkan skrip dengan kognitif penutur. Pada tahap ini, kajian makna tidak terhenti pada pemerhatian semata-mata tetapi dibekali pula dengan data yang sahih, dianalisis dengan teori yang berwibawa untuk menjelaskan fenomena bahasa secara saintifik. Semantik resonans hanya melibatkan data, teori dan kognitif penutur (Jalaluddin, 2014).

Seterusnya, bagi semantik inkuisitif, inkuisitif itu sendiri bermaksud semangat ingin tahu mahupun dorongan untuk terus meneroka mencari jawapan kepada makna sebenar sesuatu ungkapan. Pada tahap ini, kajian semantik bersifat inkuisitif itu sendiri menekankan beberapa aspek penting misalnya yang melibatkan aspek data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan turut dikaitkan dengan akal budi sesuatu penutur bahasa. Semantik inkuisitif adalah penambahbaikan daripada tahap semantik skrip dan semantik resonans. Menurut Jalaluddin (2014) semantik inkuisitif berupaya mengaitkan data, teori, kognisi dan falsafah dan akal budi penuturnya.

Sebagai penutup wacana, pengkaji akan mengaplikasikan tiga tahap analisis semantik inkuisitif ini dalam menganalisis kajian terhadap dua buah lagu yang bertajuk “Hakikat Sebuah Cinta” dan “Suci Dalam Debu” dendangan daripada kumpulan Iklim. Tahap semantik yang telah dinyatakan tersebut ialah tahap semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif.

## 1.2 Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat makna tersirat dalam lagu dari perspektif linguistik khususnya semantik inkuisitif serta mentafsirkan dan memahami lirik dalam lagu yang dipilih secara lebih mendalam. Secara khususnya, objektif bagi kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti makna implisit di sebalik penggunaan lirik-lirik lagu
2. Menganalisis pengaruh pelbagai disiplin ilmu dan akal budi yang digunakan dalam lirik-lirik tersebut

### **1.3 Definisi Operasional**


Dalam kajian ini, analisis terhadap lagu “Hakikat Sebuah Cinta” dan “Suci Dalam Debu” nyanyian kumpulan Iklim akan dilaksanakan melalui pendekatan semantik iaitu semantik inkuisitif. Menurut Subet & Md. Nasir (2019), semantik inkuisitif merupakan kajian yang melibatkan skrip, data, teori, kognisi, bahasa, budaya, falsafah dan akal budi penuturnya yang boleh mencerminkan pemikiran masyarakat Melayu. Kajian ini akan menganalisis makna disebalik lirik lagu menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014), yang dipecahkan kepada tiga tahap. Analisis makna dalam bidang semantik inkuisitif ini terbahagi kepada tiga tahap iaitu semantik skrip, semantik resonans, dan semantik inkuisitif. Semantik skrip dikaitkan dengan lakuhan bahasa yang bertujuan mencari suatu generalisasi tentang wacana dengan memfokuskan kepada kekhususan sesuatu budaya berdasarkan teori, dan hanya melibatkan makna setara yang hanya bersifat harafiah (Jalaluddin, 2014). Semantik skrip ialah pecahan tahap semantik yang berkaitan dengan lakuhan bahasa yang bertujuan mencari suatu generalisasi tentang wacana dengan memfokuskan kepada kekhususan sesuatu budaya berdasarkan teori.

Bagi tahap semantik resonans, resonans itu merujuk kepada kajian yang mampu mengaitkan skrip dengan kognitif penutur (Charteris Black, 2000). Pada tahap ini, kajian makna tidak terhenti pada pemerhatian semata-mata tetapi dibekali pula dengan data yang sahih, dianalisis dengan teori yang berwibawa untuk menjelaskan fenomena bahasa secara saintifik. Kajian semantik resonans juga turut dilanjutkan dalam pengkajian terhadap makna imbuhan bahasa Melayu. Jika dalam semantik skrip, imbuhan diberikan makna berdasarkan

ayat tanpa konteks, tetapi semantik resonans dapat menghuraikan imbuhan Melayu dengan lebih mendalam berdasarkan konteks. Manakala semantik resonans pula menambah baik aspek penghuraian makna ini dengan mengambil kira aspek data, teori dan kognitif secara tersirat. Menurut Jalaluddin (2014), semantik resonans hanya melibatkan data, teori dan kognitif penutur.

Manakala bagi semantik inkuisitif, inkuisitif itu sendiri bermaksud semangat ingin tahu mahupun dorongan untuk terus meneroka mencari jawapan kepada makna sebenar sesuatu ungkapan. Pada tahap ini, kajian semantik bersifat inkuisitif itu sendiri menekankan beberapa aspek penting misalnya yang melibatkan aspek data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan turut dikaitkan dengan akal budi sesuatu penutur bahasa. Hal ini selanjutnya telah memperlihatkan ketinggian serta ketajaman pemikiran sesuatu penutur bahasa dalam mengungkapkan persoalan-persoalan kehidupan seharian berpandukan alam sekitar mereka. Semantik inkuisitif adalah penambahbaikkan daripada tahap semantik skrip dan semantik resonans. Menurut Jalaluddin (2014) semantik inkuisitif berupaya mengaitkan data, teori, kognisi dan falsafah dan akal budi penuturnya.

Kerangka kajian bagi proses penganalisisan makna disebalik lirik lagu menggunakan pendekatan semantik inkuisitif seperti yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014) dipaparkan dalam Rajah 1.



#### 1.4 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian yang dilaksanakan adalah akan dapat melihat makna tersirat dalam lagu dari perspektif linguistik khususnya semantik inkuisitif serta mentafsirkan dan memahami lirik dalam lagu yang dipilih secara lebih mendalam. Secara khususnya, pengkaji akan merungkai makna implisit di sebalik penggunaan lirik dalam lagu. Pengaruh pelbagai disiplin ilmu dan akal budi yang digunakan dalam lirik lagu tersebut dapat difahami secara lebih mendalam. Jika diperhatikan, terdapat kajian lepas berkenaan analisis lirik lagu yang dijalankan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, seperti kajian ‘Bahasa Kiasan Dalam Lagu “Mati Hidup Semula”: Analisis Semantik Inkuisitif’ (Wong & Jalaluddin, 2019) dan ‘Gambaran Kemewahan Melalui Perlambangan dalam Lirik Lagu Hokkien “Ji Pa Ban”: Analisis Semantik Inkuisitif’ (Wong, 2020). Justeru itu, kajian ini akan melengkapkan lagi kajian yang telah

ada dengan penumpuan kajian terjadap analisis makna dalam lirik lagu menggunakan pendekatan analisis semantik inkuisitif.

Secara tidak langsung, hal ini akan mendedahkan kepada masyarakat yang terdedah dengan dunia hiburan termasuklah kepada yang suka mendengar lagu, tentang analisis makna disebalik lirik lagu. Disamping itu, masyarakat akan mampu memahami mesej yang ingin disampaikan oleh penulis lirik menerusi makna-makna disebalik lagu tersebut. Pengkaji berharap agar kajian ini mampu menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain dalam menjalankan kajian terutamanya kajian yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

## **BAB 2**

Bab ini menyatakan beberapa kajian lepas yang telah dirujuk oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini, malah membantu pengkaji bagi membentuk permasalahan kajian serta objektif kajian. Bab ini memperlihatkan tinjauan pembacaan literatur yang telah dilakukan oleh pengkaji bagi menjayakan kajian ini. Pengkaji memfokuskan tinjauan literatur ini kepada kajian lirik lagu dan kajian semantik yang pernah dilakukan di Malaysia.

### **2.0 SOROTAN KAJIAN**

Pengkaji telah melakukan pembacaan terhadap beberapa kajian lepas sebagai panduan dalam menjayakan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji perlu melihat dengan jelas mengenai kajian lirik lagu dan kajian semantik yang lepas bagi mengetahui perkara-perkara yang telah dikaji seterusnya menetapkan perkara yang ingin dikaji. Kajian-kajian lepas ini dijadikan sebagai panduan dalam menyempurnakan kajian pengkaji.

#### **2.1 Kajian Di Malaysia**

Antara kajian lepas yang telah dikaji ialah kajian oleh Wong (2020) yang bertajuk ‘Gambaran Kemewahan Melalui Perlambangan dalam Lirik Lagu Hokkien “Ji Pa Ban”: Analisis Semantik Inkuisitif’ adalah bertujuan untuk menghuraikan makna dan akal budi penulis melalui unsur perlambangan yang digunakan dalam lirik lagu “Ji Pa Ban” (Seratus Juta). Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu yang pertama mengenal pasti perlambangan yang menggambarkan kemewahan hidup dalam lirik lagu yang dikaji, yang kedua adalah menjelaskan maksud sebenar unsur perlambangan yang digunakan dalam lirik lagu yang dikaji, dan yang ketiga menjelaskan sebab pemilihan leksikal tertentu dalam perlambangan yang digunakan dalam lirik lagu yang dikaji. Kajian ini merupakan kajian korpus dalam bentuk teks bertulis dan kajian ini berbentuk analisis kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014, 19-30). Data teks kajian ini diambil

dari lirik lagu yang dinyayikan oleh Huang Yi Fei yang bertajuk “Ji Pa Ban” (Seratus Juta). Prosedur analisis data bagi kajian ini dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu tahap 1: Semantik Skrip, tahap 2: Semantik Resonans dan tahap 3: Semantik Inkuisitif. Dapatkan dalam kajian ini hanya tertumpu kepada unsur perlambangan yang berkaitan dengan gaya hidup mewah yang digambarkan penulis apabila menjadi jutawan. Kajian ini mendapati bahawa kemewahan yang digambarkan melalui lagu tersebut menggunakan nama-nama negara dan harta tertentu yang secara umumnya selaras dengan gaya hidup seseorang jutawan selaras dengan tanggapan umum masyarakat. Pada data 1 dan 2, melalui analisis tahap 1 semantik iaitu semantik skrip, pengkaji memaparkan data yang tersebut kepada ungkapan secara harafiah mengikut Kamus Dewan (2015). Pada tahap kedua, kedua-dua data ditekankan menggunakan teori relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1999) yang merupakan teori pentafsiran makna yang berwibawa, mengambil kira aspek semantik dan pragmatik. Pada tahap ketiga, data 1 dan 2 dipersoalkan sebab-sebab perkataan tersebut dipilih dan bukan perkatan lain. Penerokaan pada tahap ini telah memperlihatkan akal budi penulis serta falsafah di sebalik pemilihan sesuatu perkataan tersebut yang ada kaitan dengan budaya, ketajaman pengamatan terhadap dunia serta pemikiran tahap tinggi yang tertanam dalam minda penulis lagu.

Selain itu, kajian oleh Lee dan Sandai (2019) yang bertajuk Ciri dan Maksud Hiperbola (Jaku Kelangkung) Lirik Dalam Lagu Pop Iban adalah bertujuan untuk mengenal pasti ciri dan maksud hiperbola (jaku kelangkung) lirik lagu pop Iban era 70-an, 80-an, 90-an dan abad ke-21. Kajian ini berobjektif mengenal pasti ciri hiperbola lagu pop Iban dan menganalisi unsur yang membentuk maksud hiperbola lirik lagu pop iban. Kajian ini ialah kajian kualitatif dengan pendekatan diskriptif.. Sebanyak 40 transkrip lirik lagu pop Iban telah dijadikan sebagai data kajian dan justifikasi pemilihannya adalah mengikut popularitinya di radio dan program hiburan Iban. Dapatkan kajian menunjukkan enam unsur tersirat *ciri* iaitu manusia, haiwan,

tumbuhan, frekuensi selalu, jarak dan tempuh masa telah menjadi subjek utama kepada penghasilan hiperbola lirik lagu pop iban, yang membawa erti lirik lagu pop Iban didasari oleh ciri dan unsur yang sama. Walaupun begitu, kekerapan penggunaan ciri dan unsur tersirat adalah berbeza di mana ciri sifat yang paling kerap digunakan manakal ciri jumlah pula paling minima. Kajian ini juga menunjukkan analisis yang dijalankan telah menemui enam unsur tersirat *maksud* iaitu alam, manusia, tumbuhan, haiwan, budaya dan benda bukan hidup, yang mempunyai peranan dan fungsi yang sama dengan unsur tersirat *ciri* dimana ia juga menjadi asas dan subjek utama kepada penghasilan hiperbola lirik lagu pop iban. Namun begitu, kekerapan penggunaan setiap unsur ini juga tidak seimbang di mana unsur tersirat manusia merupakan unsur yang paling banyak digunakan dan unsur tersirat tumbuhan pula sebaliknya.

Seterusnya, kajian oleh Daud dan Subet (2019) yang bertajuk Ayam (*Gallus Gallus Domesticus*) dalam peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif adalah bertujuan untuk menganalisis Peribahasa Melayu yang berasosiasi dengan leksikal ayam (*gallus gallus domesticus*) dalam domain *kebiasaan* dan *rezeki*. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan penerapan semantik inkuisitif. Data teks kajian ini diambil dari Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (2016) yang disusun oleh Abdullah Hussain dan sebanyak 90 peribahasa Melayu yang berkaitan dengan ayam telah dikesan melalui pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu 73 peribahasa yang berunsurkan ayam secara umum dan 17 peribahasa yang berunsurkan ayam secara khusus. Prosedur analisis data bagi kajian ini dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu tahap 1: Semantik Skrip, tahap 2: Semantik Resonans dan tahap 3: Semantik Inkuisitif. Pada dapatan kajian, pengkaji ada menyenaraikan contoh peribahasa yang berunsurkan ayam (secara umum dan khusus) serta pengelasan domain dan rujukan leksikal didalam dua jadual. Pada jadual tersebut telah diperlihatkan contoh peribahasa yang berunsurkan ayam secara umum dan khusus serta pengelasan domain dan rujukan leksikal. Domain *kebiasaan* dan *rezeki* telah diwarnakan menggunakan dua warna yang berbeza untuk dianalisis.

Untuk domain *kebiasaan*, merujuk kepada kelakuan manusia yang telah menjadi sinonim dalam kehidupan sehari-harian masyarakat Melayu khususnya. Domain *rezeki* pula merujuk kepada segala sesuatu yang diperlukan untuk hidup; makanan atau segala yang diperlukan sehari-hari; nafkah; Mudah-mudahan Tuhan memurahkan ~ kita (Kamus Pelajar, 2015). Contoh peribahasa yang dikelaskan dalam domain *kebiasaan* adalah *Seperti ayam patuk(=mematuk) anaknya* (3420/186) telah membawa maksud menghukum anak : bukan untuk menyeksa tetapi untuk memperbaik kelakuan anak. Contoh peribahasa yang dikelaskan dalam domain *rezeki* pula adalah *Telur hari ini, lebih baik daripada anak ayam besok* (3998/214) yang membawa maksud pendapatan hari ini, lebih baik daripada pendapatan esok. Kedua-dua contoh data peribahasa tersebut telah dianalisis menggunakan Rangka Rujuk Silang dalam bidang pragmatik iaitu teori relevan, dan ada beberapa frasa dalam contoh ayat yang disertakan yang telah menjadi maklumat tambahan untuk pengkaji memahami makna implisit peribahasa tersebut. Kajian data tersebut diteruskan dengan mempersoalkan objek (leksikal) dan imej (rujukan) yang terdapat bagi peribahasa tersebut.

Kajian yang seterusnya ialah kajian oleh Wong dan Jalaluddin (2019) yang bertajuk ‘Bahasa Kiasan dalam Lagu “Mati Hidup Semula”: Analisis Semantik Inkuisitif’ yang bertujuan untuk menghuraikan makna dan akal budi penulis melalui bahasa kiasan yang digunakan dalam lagu ‘Mati Hidup Semula’. Kajian ini berbentuk analisis kualitatif dengan pendekatan semantik inkuisitif yang diasaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dan kajian ini telah menggunakan teori relevans. Kajian ini merupakan kajian analisis teks dan teks yang digunakan oleh pengkaji adalah lirik lagu ‘Mati Hidup Semula’ yang mengandungi enam rangkap bersamaan 110 patah perkataan. Namun, pengkaji hanya menggunakan dua rangkap lirik daripada lagu tersebut untuk dianalisis sebagai data kajian. Pengkaji tidak menunjukkan penggunaan sebarang instrumen dalam kajian ini. Prosedur analisis data bagi kajian ini dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu tahap 1: Semantik Skrip, tahap 2: Semantik

Resonans dan tahap 3: Semantik Inkuisitif. Untuk hasil kajian, pada tahap pertama ungkapan data 1 dan 2 dipaparkan dengan makna lingusitik berdasarkan Kamus Dewan (2015). Ungkapan ‘dulu hidup kurasakan mati’ jika dikupas secara harafiah membawa maksud ‘yang lalu, aku tumbuh dan membesar dalam keadaan tidak bernyawa’. Untuk data 2, ungkapan ‘setelah mati kuhidup semula’ membawa maksud ‘sesudah tidak bernyawa, pengarang bernafas kembali’. Pada tahap 2, kedua-dua data dikaji berdasarkan teori relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1999). Pada tahap ketiga, pengkaji menjawab pelbagai persoalan, termasuklah mengapa sesuatu perkataan tersebut dipilih bukan perkataan yang lain. Penerokaan dilakukan iaitu dengan menampilkan akal budi penulis serta falsafah di sebalik pemilihan sesuatu kata tersebut. Secara keseluruhannya, melalui penganalisisan dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dalam kajian ini, pengkaji menyatakan terserlahnya akal budi penulis dan falsafah disebalik penggunaan leksikal tertentu dalam karyanya.

Kajian yang selanjutnya ialah kajian oleh Subet dan Md Nasir (2019) yang bertajuk Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa bahasa Melayu adalah bertujuan untuk menggabungjalinkan pendekatan semantik inkuisitif dengan kandungan pengajaran peribahasa melalui pendidikan Bahasa Melayu. Kajian ini berbentuk analisis kualitatif. Data peribahasa kajian ini diambil daripada sukanan mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan satu hingga lima. Rangka rujuk silang diaplikasikan mengikut kesesuaian konteks pembelajaran bahasa Melayu. Prosedur analisis data bagi kajian ini dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu tahap 1: Semantik Skrip, tahap 2: Semantik Resonans dan tahap 3: Semantik Inkuisitif. Hasil kajian ini mendapati dengan penggabungjalinan semantik inkuisitif ke dalam pengajaran peribahasa, pengkaji dapat mencungkil falsafah dan akal budi penutur jati di sebalik makna harafiah peribahasa tersebut dan menjadikan pengajaran dan pembelajaran peribahasa lebih bermakna. Contohnya peribahasa 1: *Bagaimana Acuan, Begitulah Kuihnya*, pada tahap 1 iaitu